


MAKLUMAT
VAKSIN COVID-19
BAGI PENERIMA
VAKSIN ASTRAZENECA



KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA



01 APA ITU COVID-19?

Penyakit COVID-19 disebabkan oleh coronavirus yang disebut SARS-CoV-2. Gejala mungkin muncul 2 hingga 14 hari selepas terdedah kepada virus. Gejala yang mungkin dialami adalah:

- Demam atau menggigil
- Batuk
- Sesak nafas
- Keletihan
- Sakit otot atau badan
- Sakit kepala
- Kehilangan deria rasa atau bau
- Sakit tekak
- Kesusakan atau hidung berair
- Loya atau muntah
- Cirit-birit

02 SIAPAKAH GOLONGAN BERISIKO TINGGI UNTUK MENDAPAT JANGKITAN COVID-19?

Golongan berisiko adalah:

- Kanak-kanak
- Warga emas berusia 60 tahun dan ke atas
- Pesakit dengan penyakit kronik
- Pesakit dengan daya ketahanan badan yang rendah
- Wanita hamil

03 APAKAH KEPENTINGAN MENGAMBIL VAKSIN COVID-19?

Vaksin COVID-19 diberi agar tubuh membina antibodi atau ketahanan bagi melawan jangkitan COVID-19 dan mengurangkan risiko mendapat komplikasi penyakit yg teruk dan kematian.

Apabila majoriti penduduk telah divaksinasi, penularan jangkitan dijangka dapat dikurangkan. Secara tidak langsung, golongan yg tidak layak menerima vaksin dapat dilindungi.




VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

01





04 APAKAH HUKUM PENGAMBILAN VAKSIN COVID-19?

Mesyuarat Khas Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam yang bersidang pada 3 Disember 2020 memutuskan bahawa hukum penggunaan vaksin COVID-19 adalah harus dan ia wajib untuk diambil oleh golongan yang ditetapkan oleh Kerajaan Malaysia.

Sumber: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)

05 SIAPAKAH YANG LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?

Semua penduduk Malaysia berusia 18 tahun dan ke atas layak menerima vaksin COVID-19 AstraZeneca.

06 SIAPA YANG TIDAK LAYAK MENERIMA VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?

Anda tidak layak menerima vaksin COVID-19 AstraZeneca sekiranya anda:

- Mempunyai reaksi alahan kepada vaksin AstraZeneca atau mana-mana bahan dalam vaksin ini (L-Histidine, L Histidine hydrochloride monohydrate, Magnesium chloride hexahydrate, Polysorbate 80, Ethanol, Sucrose, Sodium chloride and Disodium edetate dihydrate)
 - Tanda- tanda tindak balas alahan mungkin termasuk ruam atau kegatalan kulit, sesak nafas dan bengkak pada muka atau lidah
- Mempunyai alahan dalam tempoh 72 jam selepas menerima dos vaksin AstraZeneca atau mana-mana kandungan dalam vaksin AstraZeneca

Hubungi doktor anda atau pergi ke bahagian kecemasan hospital yang terdekat dengan segera sekiranya anda mengalami tindak balas alahan




VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

02





07

ADAKAH KANAK-KANAK, REMAJA DAN WARGA EMAS LAYAK MENERIMA VAKSIN ASTRAZENECA?

- Sehingga kini, kanak-kanak di bawah usia 18 tahun tidak boleh menerima vaksin COVID-19 sehingga data lanjut diperoleh. Di Malaysia, indikasi vaksin ini yang diluluskan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) adalah bagi individu berumur 18 tahun dan ke atas. Ini adalah kerana tiada data yang mencukupi untuk menentukan keberkesanan dan keselamatan pemberian vaksin ini kepada golongan bawah 18 tahun.
- Warga emas dan golongan berisiko adalah layak untuk menerima vaksin AstraZeneca.

08


ADAKAH SAYA BOLEH MENDAPATKAN VAKSIN COVID-19 SEKIRANYA SAYA SEDANG MENGANDUNG ATAU MENYUSU BAYI?

- Sesuai untuk individu hamil 14 – 33 minggu atau boleh ditangguhkan selepas melahirkan anak.
- Bagi kandungan yang berusia lebih 34 minggu, vaksinasi boleh dilakukan selepas konsultasi dengan doktor.
- Ibu menyusui sesuai menerima vaksin

09

ADAKAH VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA SELAMAT PENGGUNAANNYA DI MALAYSIA?

- Vaksin ini adalah selamat diguna berdasarkan pendaftaran bersyarat oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) serta WHO telah meluluskan penggunaannya melalui Kebenaran Penggunaan Kecemasan (EUA).
- Vaksin AstraZeneca juga telah diluluskan penggunaannya di beberapa buah negara lain.



VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

03





10 **APAKAH YANG PERLU SAYA MAKLUMKAN KEPADA PETUGAS KESIHATAN SEBELUM MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?**

Maklumkan kepada petugas kesihatan sekiranya anda:

- Mempunyai sejarah alahan yang teruk
- Sedang mendapat rawatan yang merendahkan sistem imun badan
- Sedang mengandung atau merancang untuk hamil
- Sedang menyusukan bayi; atau
- Telah menerima vaksin COVID-19 daripada jenama yang lain

11 **APAKAH BAHAN-BAHAN YANG TERKANDUNG DALAM VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?**

Bahan aktif adalah modified adenovirus (ChAdOx1) yang mengandungi spike protein genetic code. Bahan-bahan yang tidak aktif adalah L-Histidine (an amino acid); L-Histidine hydrochloride monohydrate (an amino acid); magnesium chloride hexahydrate (supports many activities inside cells); polysorbate 80 (a stabiliser); ethanol (alcohol); sucrose (sugar); sodium chloride(salt); disodium edetate dihydrate (EDTA, a binding agent); water for injection.

12 **BAGAIMANA VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA DIBERIKAN?**

- Vaksin AstraZeneca diberikan sebanyak 2 dos (0.5ml setiap dos) dan disuntik pada otot deltoid di lengan
- Suntikan dos kedua adalah dalam masa 4 hingga 12 minggu setelah dos pertama.



VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

04





13

ADAKAH SAYA AKAN DILINDUNGI SEPENUHNYA SELEPAS MENERIMA VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?

Vaksin akan mula menunjukkan keberkesanan melalui peningkatan antibodi dalam badan selepas dos pertama diberikan. Pembentukan antibodi akan meningkat secara mendadak selepas pemberian dos kedua. Ini bermakna, seseorang akan dilindungi secara optimum selepas menerima kedua-dua dos untuk mengurangkan kebarangkalian kejadian penyakit COVID-19 yang teruk. Walaupun seseorang itu telah menerima dos lengkap vaksin, beliau masih perlu mengamalkan langkah pencegahan seperti mengamalkan 3W iaitu Wash, Wear, Warn dan mengelakkan 3C iaitu mengelakkan Confined space (Sempit), Crowded (Sesak) dan Close conversation (Sembang dekat). Walau bagaimanapun, pada masa ini, tempoh perlindungan jangka panjang terhadap COVID-19 masih belum diketahui.

14

APAKAH PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN SELEPAS MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19?

Setelah menerima suntikan vaksin COVID-19, penerima vaksin perlu:

1. Berada di ruang pemerhatian yang ditetapkan sekurang-kurangnya 15 - 30 minit.
2. Anda mesti memaklumkan kepada petugas kesihatan atau mendapatkan rawatan segera sekiranya anda mengalami tanda-tanda berikut selepas menerima vaksin COVID-19:
 - Kesukaran bernafas
 - Pembengkakan muka, bibir dan tekak
 - Denyutan jantung yang sangat cepat
 - Ruam teruk timbul di seluruh badan
 - Pening dan lemah tubuh badan
3. Selepas dos pertama, kad vaksinasi dengan tarikh temu janji untuk dos yang kedua akan diberikan. Simpan kad tersebut.
4. Walaupun telah menerima vaksin, penerima perlu sentiasa mengamalkan norma baharu dan mengikuti langkah pencegahan penyakit COVID-19.



VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

05





15 APAKAH KESAN SAMPINGAN VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?

Kesan sampingan adalah ringan dan bersifat sementara. Walaupun sangat jarang berlaku, ada kemungkinan Vaksin COVID-19 AstraZeneca boleh menyebabkan reaksi alahan yang teruk. Gejala alahan yang teruk biasanya berlaku dalam tempoh beberapa minit hingga satu jam setelah menerima vaksin.

Penerima vaksin dinasihatkan untuk mendapatkan rawatan dengan segera sekiranya mempunyai tanda-tanda di bawah dalam tempoh antara 4 hari hingga 4 minggu selepas vaksinasi iaitu:

- Sakit kepala yang teruk dan berterusan walaupun setelah mengambil ubat penahan sakit
- Sakit kepala yang bertambah teruk sekiranya dalam keadaan baring
- Sakit kepala yang diiringi dengan:
 - Loya atau muntah
 - Kabur penglihatan
 - Masalah pertuturan
 - Lemah badan, keletihan atau sawan
- Berasa letih
- Sakit sendi
- Sakit Otot
- Bengkak Kelenjar
- Menggigil
- Lebam
- Sukar bernafas, sakit dada, bengkak kaki atau sakit perut yang berterusan
- Sekiranya mengalami gejala bengkak pada muka dan tekak, gatal atau ruam pada seluruh badan, sukar untuk bernafas atau denyutan jantung yang cepat, rasa lemah dan pening, sila dapatkan rawatan dengan segera.

16 SEKIRANYA SAYA MENGALAMI KESAN SAMPINGAN SELEPAS SUNTIKAN, APA YANG SAYA PERLU LAKUKAN?

Sekiranya anda mengalami kesan sampingan, sila dapatkan rawatan dengan segera di klinik kesihatan atau hospital terdekat. Sila laporkan kesan sampingan melalui aplikasi MySejahtera atau secara atas talian di laman sesawang: www.npra.gov.my.

17 BOLEHKAH SAYA MENOLAK UNTUK MENERIMA SUNTIKAN VAKSIN COVID-19 ASTRAZENECA?

Pengambilan vaksin amat digalakkan. Walau bagaimanapun, **ANDA BOLEH MEMILIH** untuk tidak menerima vaksin kerana penerimaan vaksin COVID-19 ini adalah secara sukarela.



VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

06





18 BAGAIMANA SAYA BOLEH MENDAPATKAN MAKLUMAT LEBIH LANJUT BERKAITAN VAKSIN?

Anda melayari laman sesawang yang mengandungi maklumat yang lebih tepat dan dipercayai seperti:

- <https://www.vaksincovid.gov.my>
- <https://npra.gov.my>
- WHO: www.who.int



VAKSIN

ASTRAZENECA

Dikemaskini pada
29 Jun 2021

07

